

Community Empowerment: Kesedaran Komuniti berkaitan
Penyalahgunaan Dadah di Sabah dan Sarawak

Abstrak

Community Empowerment adalah salah satu strategi utama Kempen Perangi Dadah Habis-Habisan kerajaan Malaysia. Ia adalah satu agenda untuk merekayasa komuniti bertujuan memberi kesedaran tentang tanggungjawab komuniti membanteras penyalahgunaan dadah. Kajian ini bertujuan untuk meneroka kesedaran komuniti terhadap bahaya penyalahgunaan dadah di negeri Sabah dan Sarawak. Pendekatan kualitatif menggunakan temu-bual semi berstruktur dan kajian kes telah digunakan sebagai kaedah kajian. Seramai 101 peserta dari komuniti Sabah (N=75) dan Sarawak (N=26) telah terlibat. Dalam kajian ini kesedaran komuniti diukur melalui empat dimensi; pengetahuan komuniti, suasana komuniti, kepimpinan dan penilaian keberkesanan program. Dapatan kajian menunjukkan ahli komuniti mempunyai kesedaran tinggi mengenai bahaya penyalahgunaan dadah, kesedaran tinggi tentang peranan komuniti dalam pencegahan dan kesedaran tinggi untuk terlibat secara aktif dalam membanteras penyalahgunaan dadah dalam komuniti mereka. Kajian ini selanjutnya menyarankan agar penambahbaikan pelbagai bentuk program pencegahan penyalahgunaan dadah sedia ada dijalankan dalam komuniti di Malaysia.